

FOTO: NORMAN SAWI

MENGUMPUL IMPIAN: Papatung Disney dan Teletubbies yang disusun rapi di dalam bilik tidur Natasha telah dikumpulinya semenjak beliau masih bayi lagi. Buat masa ini, selain daripada 'mengumpul' berduyun-duyun ucapan tahniah yang diterimanya, pelajar cemerlang PSLE 2007 ini berhasrat untuk menikmati masa rehat sempena cuti sekolah sepuas-puasnya sebelum melangkah ke alam sekolah menengah, mengejar impiannya satu demi satu.



LAPORAN
NORMAN SAWI
normans@spg.com.sg

ANIDA disambut mesra dengan puluhan senyuman sebaik sahaja menjejak kaki ke dalam bilik tidur berinding merah jambu itu.

Senyuman abadi pepatung Disney seperti Minnie Mouse, Tinky Winky dan Dipsy daripada rancangan kanak-kanak Teletubbies yang disusun rapi di atas almari-meningkatkan lagi suasana 'taman permainan' yang wujud dalam bilik tersebut.

Namun kejayaan sebuah meja tulis, sarat dengan buku dan alat tulis, serta alat muzik biola yang disusun rapi di sebelah peti televisyen kecil berukuran 14 inci menjadi bukti bahawa bilik tidur itu juga digunakan untuk kegiatan lebih serius setiap hari.

Bilik tidur itu milik Natasha Nabila Muhamad Nasir dan ia serba sedikit mencerminkan perwatakan anak gadis 12 tahun itu yang mudah menguntum senyum, yakin pada diri sendiri, bijak dan berbakat.

Dalam tempoh kurang seminggu selepas keputusan PSLE diumumkan, nama bekas murid Sekolah Rendah St Hilda's (SHPS) itu menjadi buah mulut ramai kerana keputusannya yang cemerlang selaku pelajar terbaik Singapura dengan agregat paling tinggi dalam sejarah: 294.

Sejak keputusan PSLE diumumkan, Natasha, yang juga 'hantu Scrabble', telah dilawati seorang menteri kabinet dan pejabat-tangan dengan puluhan wartawan, guru dan individu yang mengucap tahniah, sementara jari-jemari kekininya sibuk memicit butang telefon bimbit, menjawab puluhan SMS tahniah yang diterimanya daripada rakan-rakan.

Meskipun mendapat perhatian bertali arus daripada pelbagai pihak, Natasha tetap bersikap seperti biasa.

"Dia selamba sahaja, seperti tiada apa-apa yang berlaku," kata ibunya, Cik Zaharah Othman.

Beliau sedang berkemas-kemas apabila Berita Minggu melawat Natasha di rumahnya minggu lalu.

Flat lima bilik di Pasir Ris itu kemas dan teratur - tidak disempitkan dengan bahan-bahan perhatian mewah yang keterlaluan.

"Hm... ada permintaan pembertu untuk bertemu Natasha lagi...," kata Cik Zaharah, setelah membaca SMS yang diterima, lalu tersenyum.

Senyumannya itu menyembunyikan kekhawatirannya. Beliaulah suaminya, Encik Muhammad Nasir Atan, bimbang per-

hatian yang menghujani Natasha akan membebani minda dan menambahkan tekanan ke atas bahu kecilnya untuk kekal cemerlang.

Namun Natasha tidak mudah lalai dipuji.

"Saya biasa sahaja. Rasa gembira. Itu sahaja," ujar pelajar yang akan melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Perempuan Raffles (RGS) itu tahun hadapan.

Cara pertuturannya yang lemah-lembut dan tenang itu membuat anda hampir lupa bahawa Natasha baru berusia 12 tahun.

Kematangannya, menurut guru pengeloa kolah Scrabble di sekolahnya, Encik Suhaimi Khalil, unik, dan Natasha mempunyai keyakinan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas tanpa perlu motivasi luar.

"Walaupun Natasha mempunyai banyak komitmen lain, dia tetap rajin menghadiri latihan dan bijak mengatur strategi ketika bermain Scrabble," ujar Encik Suhaimi, memuji bekas kapten pasukan Scrabble sekolahnya itu.

SHPS adalah sekolah rendah Natasha yang kedua.

Tiga tahun lalu, Natasha berpindah daripada Sekolah Rendah Gongshang apabila diterima menyertai Program Pelajar Bijak (GEP).

Perubahan suasana itu bagaimanapun tidak mendatangkan masalah, kata Cik Zaharah, kerana Natasha "senang buat kawan". Natasha juga suka pada anak-anak kecil. Dia selalu 'menculik' anak jirannya untuk diajak bermain-main.

Tidak hairanlah, Natasha menyipikan hasrat untuk menjadi pakar pediatrik apabila dewasa kelak.

"Saya suka jika dapat kerjaya yang membenarkan saya berdamai dengan kanak-kanak," katanya.

Kerjaya impiannya itu, satu hari akan menjadi kenyataan, berdasarkan kecermerlangannya dalam bidang akademik setakat ini.

Namun, Natasha tidak hanya menunjukkan prestasi baik dalam bidang akademik sahaja. Tahun lalu, Natasha dan tujuh orang murid sekolah rendah lain dipilih untuk mewakili Singapura di Persidangan Kanak-kanak Asia-Pasifik di Fukuoka, Jepun.

Dalam usia yang masih 'mentah', Natasha akan menduduki peperiksaan teori dan praktikal muzik ABRSM gred lapan untuk piano tahun hadapan.

Di madrasah Masjid Al-Istighfar, Natasha sentiasa berada di kalangan murid yang paling cemerlang.

Bintang Natasha yang yang terang sesungguhnya mengundang banyak pertanyaan daripada ibu bapa lain yang mahukan 'formula' kejayaannya, kata Encik Nasir.

Jawapannya biasanya mudah sahaja: "Tiada sebarang rahsia istimewa. Saya hanya percaya sesebuah keluarga harus mempunyai hubungan yang akrab antara anak-anak dengan ibu bapa," ujar Encik Nasir, seorang juruteknik di SIA.



FOTO: TUKIMAN WARJI

'ULAT' BUKU: Menulis karangan-karangan bermutu hasil daripada minatnya membaca buku.



FOTO: TUKIMAN WARJI

GAMBAR ATAS: Akan mengambil peperiksaan muzik gred 8 tahun depan.



GAMBAR KIRI: Di pangkuan datuknya, Allahyarham Haji Othman Yaacob, ketika Natasha baru saja berusia beberapa bulan.




FOTO-FOTO DARI ALBUM MOHAMAD NASIR ATAN

IMPIAN TINGGI: Semasa Natasha berusia tiga bulan, ayahnya memetik gambarnya bersama nota yang dipenuhi kata-kata rangsangan. Antara "janji" yang terkandung dalam nota ini adalah: "nantikan yang terbaik dari saya."



PENDIDIKAN SEIMBANG: Natasha yang berada di darjah lima dalam pendidikan madrasah juga cemerlang dalam pelajaran agama.



SUKA KANAK-KANAK: Natasha pernah ke Fukuoka, Jepun untuk mewakili Singapura di Persidangan Kanak-kanak Asia-Pasifik. Di sana, beliau berpulang menatap dengan satu keluarga Jepun dan membuat kawan baru seperti (dari kiri) Sakura dan Hijiri.

"Ibu bapa memikul peranan penting untuk membina tahap keyakinan diri anak-anak," tambahnya lagi.

Sebagai contoh, sehingga hari ini, Encik Nasir akan membacakan *Kamu sentiasa menjadi kebahagiaan dan kebanggaan papa* ke dalam cuping telinga Natasha dan adiknya, Natalia, lapan tahun.

Beliau dan isterinya juga menyertakan Natasha dalam program-program khusus untuk membina keyakinan diri seperti bengkel peragawan cilik dan kem-kem penulisan.

Bahkan, usaha mereka untuk menyedikan yang terbaik untuk anak mereka bermula lama sebelum Natasha dilahirkan.

Cik Zaharah meletak jawatan sebagai seorang pramugari untuk memberi sepenuh perhatian kepada anaknya.

Tanpa jemu, Encik Nasir membacakan buku cerita kepada bayi dalam kandungan isterinya.

Kini Natasha memilih sendiri buku cerita yang ingin dibacanya - seperti novel adaptasi drama *Anak Penarik Beca* oleh Martias Mohd Ali yang baru sahaja dipinjamnya daripada perpustakaan dan siri novel kegemarannya, *Alice*, tulisan Phyllis Reynolds Naylor.

Buku-buku yang dibacanya itu membantu Natasha menulis karangan yang bermutu.

Bahkan, karangan Inggeris yang dihasilkan di sebuah kem penulisan pernah dibukukan.

Awal tahun ini, Natasha juga memenangi peraduan karangan Melayu buat julung-julung kalinya.

Dalam tahun-tahun yang lalu, Natasha hanya berjaya mendapat hadiah sugu hati sahaja.

Antara punca perkembangan itu, menurut guru Melayunya, Cikgu Norafizah Rahmat, adalah Natasha terang hati dan tekun mengambil nota.

"Natasha sebenarnya memang cerdik mengatur plot karangan.

Saya hanya membantunya menghidupkan karangan dengan cara memetik frasa menarik daripada cerpen dan akhbar," ujarnya. Usaha gigih guru-guru seperti Cikgu Norafizah dan guru-guru

lain di jabatan GEP sekolahnya akan sentiasa dikenang Natasha, yang melahirkan penghargaannya terhadap mereka kerana membantunya melangkah ke tahap selanjutnya dalam pendidikannya.

Namun buat masa ini, Natasha hanya ingin berehat dan bermain permainan komputer kegemarannya, Sims 2.

"Syok apabila mengawal watak-watak kartun dalam permainan ini," ujar Natasha dengan mata yang bersinar-sinar.

Di saat itu, anda diingatkan sekali lagi bahawa Natasha, pelajar Melayu cemerlang serba-boleh yang telah mengukir namanya dalam sejarah Singapura, hanya berusia 12 tahun.